

KEPENTINGAN PENGURUSAN KOLAM PANCING BAGI TUJUAN AKTIVITI MEMANCING IKAN TERHADAP MASYARAKAT TEMPATAN: SATU KAJIAN LITERATUR

¹Favlyne Marvina Anak Stanley

²Jurry Foo @ Jurry Bt. F. Michael

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

¹marvina.fav@gmail.com

Tarikh dihantar: 13 Julai 2023 / Tarikh diterima: 1 Ogos 2023

Abstrak Pada masa ini, aktiviti memancing ikan telah menjadi satu aktiviti yang dikomersilkan dalam bentuk memancing di kolam pancing. Terdapat beberapa isu timbul sehingga berlaku kewujudan kolam pancing antaranya adalah pencemaran air laut dan air sungai, isu keselamatan, keperluan modal yang tinggi untuk melakukan aktiviti memancing ikan di laut, kekangan dalam mengakses ikan di laut yang memerlukan permit dan kebenaran seiring dengan peningkatan bilangan pemancing dan kini, harga ikan di pasaran yang bertambah mahal. Oleh itu, kertas kerja ini membincang tentang kepentingan aktiviti memancing ikan di kolam pancing dalam kalangan masyarakat tempatan agar dapat membuktikan potensi aktiviti memancing di kolam pancing terhadap penghidupan masyarakat tempatan. Maklumat dalam kertas kerja ini adalah dikumpul melalui rujukan kajian-kajian lepas yang akan digunakan untuk memahami fenomena dan isu perkembangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kolam pancing mampu memberi ruang kepada para pemancing untuk melakukan hobi mereka serta mereka juga mendapatkan sumber makanan yang berterusan. Pada masa yang sama, keadaan sedemikian turut memberi keuntungan kepada pengusaha kolam pancing sehingga mampu memperoleh pendapatan sampingan. Aktiviti memancing ikan juga memberi faedah dalam aktiviti pelancongan. Melalui aktiviti memancing ikan maka, ia mampu menarik pelancong ataupun orang luar untuk datang ke kolam pancing tersebut, Jadi, pengurusan ekosistem di kolam pancing sewajarnya perlu diberikan perhatian oleh semua orang kerana ia mampu memberi faedah dalam kehidupan manusia. Dengan keadaan tersebut maka, berlaku keseimbangan ekosistem yang sentiasa berterusan.

Kata Kunci: Aktiviti Memancing, Ikan, Kepentingan Pengurusan, Kolam Pancing, Masyarakat Tempatan

PENDAHULUAN

Malaysia ialah sebuah negara yang amat bertuah berbanding dengan negara lain. s Malaysia adalah terletak di garisan Khatulistiwa yang telah menjadikan tempat itu sebagai sebuah negara yang strategik bagi kehidupan kepelbagaian spesies akuatik. Menurut Jabil Mapjabil, et. al. (2020), Sarawak merupakan antara salah satu kawasan yang menjadi tumpuan dengan kepelbagaian diversiti.

Setiap tahun populasi penduduk Malaysia semakin bertambah (Nurul Syuhadah Yakath Ali, 2018). Keadaan sedemikian berlaku telah menyebabkan permintaan terhadap ikan sebagai sumber makanan menjadi semakin tinggi. Berdasarkan Kementerian Pertanian Malaysia (1998), permintaan terhadap ikan sebagai sumber makanan semakin meningkat sebanyak 1,591,000 tan metrik (2010) dan penawaran ikan hanya sebanyak 1,500,400 tan metrik sahaja sejajar dengan peningkatan jumlah penduduk dalam negara. Ini telah mendorong aktiviti memancing ikan menjadi salah satu aktiviti popular dalam kalangan masyarakat. Walaubagaimanapun, berdasarkan Mordue (2009), aktiviti memancing ikan ini telah menjadi

satu aktiviti rekreasi yang sudah lama popular di kawasan Barat baik dari segi pembangunan mahupun penyelidikan. Namun begitu, perkara tersebut tidak berlaku di negara Malaysia yang hanya masih baru-baru lagi.

Kini aktiviti memancing ikan telah menjadi salah satu keperluan untuk memenuhi kehidupan masyarakat seharian. Aktiviti memancing ialah aktiviti yang sudah dilakukan oleh golongan masyarakat sejak dari dulu lagi sehinggalah pada masa sekarang dan juga di masa akan datang (Mohd Musa bin Sarip, Ahmad Murshidi bin Mustapha dan Mohd Rofaizal bin Ibhraim, 2021). Menurut Pitcher dan Hollingworth (2002), aktiviti memancing ialah aktiviti rekreasi yang memberikan keseronokan. Aktiviti memancing di kolam merupakan satu hiburan yang murah di mana boleh dilakukan bersama-sama ahli keluarga (Yofiana Eka Pratiwi, 2018). Bagi golongan bapa-bapa yang bekerja seharian boleh menjadikan aktiviti ini sebagai tempat untuk melepaskan rasa penat lelah dalam mencari rezeki. Pada masa yang sama juga, bagi keluarga yang membawa anak-anak untuk memancing boleh memberi sedikit pelajaran kepada anak-anak mengenai jenis-jenis ikan.


Bahkan, aktiviti memancing ikan telah menjadi satu aktiviti yang dikomersilkan dalam bentuk memancing ikan di kolam pancing pada masa ini (Mohd Zulhaimi Ibrahim et.al. 2015). Berdasarkan Arif Hakiki Hasibuan (2009), kolam pancing ialah usaha yang dilakukan oleh golongan masyarakat tempatan yang memiliki kolam lalu diisi dengan pelbagai jenis ikan bagi tujuan aktiviti memancing. Kolam pancing disediakan untuk memberi ruang kepada golongan pemancing bagi menjalankan hobi memancing mereka. Pada masa yang sama juga, keadaan tersebut turut memberi ruang kepada pemilik kolam bagi memperoleh keuntungan akibat hasil daripada berniaga ikan melalui kolam pancing. Ini telah membuktikan bahawa jumlah kolam pancing akan semakin bertambah seiring dengan permintaan pelanggan atau penggemar pemancing.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan kajian kepustakaan dalam mendapatkan data dan maklumat tentang kepentingan pengurusan kolam pancing bagi tujuan aktiviti memancing dalam kalangan masyarakat tempatan. Pengkaji menggunakan kaedah ini sepanjang artikel kajian ini dijalankan. Pengkaji mendapatkan pelbagai jenis artikel, jurnal, tesis dan akhbar yang berkaitan baik rujukan bercetak mahupun rujukan tidak bercetak. Melalui pencarian data dan maklumat daripada pelbagai sumber dapat mengukuhkan dapatan dan perbincangan. Pada masa yang sama, pengkaji juga dapat mengelakkan daripada berlakunya kejadian plagiat dalam kajian ini.

Model Hubung-Kait Ekosistem Kolam Pancing dan Masyarakat Tempatan

Rajah 1: Model Hubung-Kait Ekosistem Kolam Pancing dan Masyarakat Tempatan



Rajah 1 menunjukkan bahawa manusia dan ikan saling berkaitan antara satu sama lain. Masyarakat tempatan memerlukan ikan di kolam pancing sebagai sumber makanan dengan melakukan aktiviti memancing. Manakala ekosistem kolam pancing pula memerlukan tenaga masyarakat tempatan untuk mengurus ekosistem. Keadaan sedemikian akan mengakibatkan kelangsungan hidup yang berterusan bagi kedua-dua benda hidup tersebut.

Keterlibatan komuniti merupakan tunggak utama pembangunan sesebuah komuniti (Sharina, 2014). Komuniti adalah bertanggungjawab dalam mengurus dan memastikan sumbangan ekosistem sekitar dinikmati dengan baik. Ekosistem ialah sistem interaksi populasi yang kompleks dalam kalangan manusia dan persekitaran (Nybakken, 1982). Berdasarkan Odum (1971), ekosistem ini adalah berterusan. Ekosistem adalah merujuk kepada unsur-unsur dalam lingkungan hidup yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Terdapat hubungan timbal balik di antara makhluk hidup dengan lingkungannya baik biotik mahupun abiotik. Ini merupakan proses input dan output antara kedua-dua komponen. Keadaan sedemikian akan membentuk kepada sistem ekologi.

Pengurusan ekosistem adalah penting bagi tujuan untuk memastikan kelangsungan fungsi ekosistem tersebut. Pengurusan ekosistem ialah sistem pengurusan sumber yang dirancang untuk mengekalkan dan meningkatkan produktiviti ekosistem serta menghasilkan komoditi penting dan nilai lain bagi memenuhi keperluan dan keinginan manusia dalam batasan risiko sosial, biologi dan ekonomi yang dapat diterima (Association Forest Resources Board, 1993). Pengurusan ekosistem yang cekap mampu mewujudkan persekitaran yang mapan serta mampu menyemai kasih sayang dalam kalangan masyarakat terhadap alam sekitar serta mengutamakan kepentingan ekosistem (Dg Nur Fairuzzimah dan Jurry Foo, 2021). Berdasarkan Jolly (1978), matlamat utama pengurusan ekosistem adalah menjalankan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber yang sedia ada. Keadaan sedemikian dapat memastikan agar sumber tersebut dapat

digunakan pada masa ini dan juga pada masa akan datang. Dengan kelangsungan kitaran ekosistem yang sihat maka, ia mampu meneruskan perkhidmatan kepada golongan manusia.

Kaedah Pengurusan Kolam Pancing Bagi Tujuan Aktiviti Memancing Ikan

Pengurusan ekosistem kolam adalah tidak susah tetapi perlu penjagaan yang rapi dan sistematik. Seperti yang dikatakan oleh Encik Hanim bin Hj. Raduan (2012) bahawa beliau mengusahakan kolam adalah berdasarkan kursus yang diikuti iaitu, Penternakan Ikan Air Tawar pada tahun 1987. Beliau berharap agar kolam tersebut dapat berkembang dengan jayanya pada masa ke hadapan.

Akibat daripada perubahan pertambahan penduduk yang pesat serta perkembangan ekonomi dalam sektor perdagangan telah menyebabkan sesuatu kawasan itu menjadi pesat. Oleh sebab itu, kolam pancing telah diwujudkan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan kehidupan masyarakat yang sentiasa bekerja tanpa ada sebarang hiburan lain seperti melakukan aktiviti rekreasi. Jadi, kolam pancing adalah antara salah satu peluang untuk memenuhi keperluan mereka.

Terdapat juga kajian lepas yang menerangkan cara pengurusan ekosistem kolam pancing seperti Kolam Pancing Ricky. Kolam yang terletak di Indonesia tersebut telah memberi peluang besar dalam memajukan bidang perikanan (Renni Silaban, M. Ramli dan Lamun Bathara, 2012). Terdapat tiga jenis kolam yang terdapat di kolam pancing itu. Ketiga-tiga kolam pancing tersebut terdiri daripada jenis ikan yang berbeza. Kolam pancing pertama ialah ikan mas dan kolam pancing kedua ialah ikan gurami manakala kolam pancing ketiga ialah ikan patin.

Perjalanan cara pengurusan ekosistem kolam pancing sangat mencabar tetapi perlu dilakukan dengan sangat teliti. Pertama, modal untuk membina kolam pancing. Modal ini boleh didapati daripada bank atau cagaran atau pihak keluarga dan juga rakan-rakan. Kolam pancing perlu berada dalam keadaan yang bersih di mana bebas daripada semak-semak belukar serta dikelilingi pagar (Syamsudin, 1983). Hal ini untuk mengelakkan daripada haiwan pemangsa ikan seperti biawak dan burung untuk masuk ke dalam kolam. Haiwan-haiwan tersebut gemar di kawasan yang ditumbuhi rimbunan tumbuhan (Suyanto 1994). Bahkan, jenis air kolam pancing turut dititikberatkan dengan betul supaya dapat meningkatkan oksigen terhadap spesies akuatik dalam kolam pancing. Dengan itu, air kolam pancing tidak berbau kerana ikan dapat hidup dengan lama. Kemudahan yang lain sewajarnya disediakan di kawasan kolam pancing. Sebagai contoh, kolam pancing Ricky di Indonesia mempunyai tempat kenderaan yang luas, kantin untuk makan dan minum serta memberi makanan ringan. Dengan ini maka, kolam pancing mampu menyediakan tempat untuk memancing dengan keadaan sekeliling yang nyaman dan selesa.

Semasa proses kegiatan memancing ikan dijalankan di kolam pancing, pemancing diberi pilihan untuk menyewa peralatan memancing dan umpan atau membawa sendiri barang keperluan memancing. Ikan-ikan yang telah ditangkap akan dikumpul untuk ditimbang. Harga ikan adalah bergantung kepada timbang ikan tersebut. Di sini telah menunjukkan berlaku keseimbangan iaitu, pengusaha kolam pancing memperoleh keuntungan dan pemancing pula mendapat ikan dibawa pulang ke rumah.

Kepentingan Aktiviti Memancing Ikan di Kolam Pancing

Berdasarkan Mohd Zulhalmi Ibrahim, et.al. (2015), aktiviti memancing sememangnya telah menjadi salah satu aktiviti popular bagi rekreasi dan aktiviti bersantai sejak dari dahulu lagi untuk mengisi masa lapang di Barat. Keadaan ini telah memberi kepentingan dalam bidang ekonomi. Aktiviti memancing sememangnya memberi banyak faedah. Kajian awal telah

diselidiki di Amerika Syarikat di mana mereka membahas tentang kepentingan aktiviti memancing (Ditton et. al., 2002).


Secara tidak langsung, perkembangan industri perikanan mampu membuka mata golongan pengusaha ikan untuk maju ke hadapan. Mereka sanggup belajar untuk mengubah kehidupan masing-masing serta menyumbang protein kepada masyarakat tempatan dan juga pada masa yang sama dapat meningkatkan pendapatan negara.

Kolam telah memberi ruang kepada para pemancing untuk melakukan hobi memancing mereka di kolam pancing tersebut. Minat akan aktiviti memancing ikan yang amat mendalam sejak dari kecil lagi. Keinginan penggemar memancing ikan untuk mendalami ilmu memancing dengan betul. Pada masa yang sama, keadaan ini telah memberi keuntungan terhadap pengusaha kolam pancing (Mohd Musa bin Sarip, Ahmad Murshidi bin Mustapha dan Mohd Rofaizal bin Ibhram, 2021). Melalui aktiviti memancing, masyarakat boleh mendapatkan bekalan makanan secara berterusan pada masa sekarang. Ini telah membuktikan bahawa hobi memancing dalam kalangan masyarakat telah dikomersilkan (Ahmad Murshidi bin Mustapha, Mohd Rofaizal bin Ibhram, Mohd Musa bin Sarip dan Muhamad Ismail bin Abdullah, 2019). Malahan, berdasarkan Alias Baba (1999), ada yang sanggup membayar kolam pancing sebanyak lima daerah di negeri Pahang bagi tujuan aktiviti memancing berbanding melakukannya di laut dan sungai.

Aktiviti memancing di kolam pancing turut memberi faedah terhadap aktiviti pelancongan. Menurut Ismail Mudin (2007), aktiviti ini telah menjadi salah satu tarikan pelancongan di Kuala Rompin, Pahang. Bukan hanya itu sahaja tetapi aktiviti memancing juga memberi kelestarian dalam pelancongan di Tasik Kenyir (Eliah, Azrul Ekhuan Othman, Mohd Shahwahid & Poh Lye Yong, 2021). Berdasarkan Eliah, Azrul Ekhuan dan Othman (2015), aktiviti memancing di kolam pancing adalah salah satu aktiviti ekonomi dalam sektor ekopelancongan di Rompin, Pahang. Ini telah menunjukkan bahawa dengan aktiviti memancing maka, ia mampu menarik pelancong atau orang luar untuk datang. Perkembangan dalam aktiviti memancing di kolam pancing serta kesanggupan golongan masyarakat membayar servis memancing ikan telah meningkatkan pemuliharaan biodiversiti spesies akuatik (Eliah, Azrul Ekhuan dan Othman, 2015). Secara langsung, ini telah mengurangkan isu spesies akuatik mengalami kepupusan. Justeru, keadaan sedemikian telah meningkatkan nilai barangan dan perkhidmatan spesies akuatik di Semenanjung Malaysia.

Oleh sebab itu, terdapat model hubungan memancing, masa lapang, rekreasi, pelancongan diubah suai daripada model asal oleh Hall dan Page, 2006 (Kauppilla dan Karajalinen, 2012). Model ini adalah bermula daripada satu konsep “masa yang terluang” dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu, “masa bekerja” dan “masa lapang”. Klasifikasi ini bergantung kepada perkara yang dirujuk iaitu, sama ada memancing sebagai aktiviti bekerja (*commercial fishing*) atau sebagai masa lapang seperti *subsistence fishing*, *local recreational fishing* dan *fishing tourism* atau *tourism fishing (tourism angler)*.

Rajah 2: Model hubungan memancing, masa lapang, rekreasi dan pelancongan (Kauppilla dan Karjalainen, 2012)



Sektor perikanan adalah antara salah satu sektor yang penting kepada negara. Hal ini kerana perikanan telah menjadi penyumbang protein yang termurah dalam negara. Melalui sektor perikanan telah menyumbang sebanyak 1.37% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Keadaan sedemikian turut menyediakan 89433 peluang pekerjaan sebagai nelayan dan juga 21114 sebagai penternak ikan (Jabatan Perikanan Malaysia, 2003). Tanpa disedar bahawa, sektor perikanan turut membantu sektor industri hulu dan hiliran untuk bertumbuh dan berkembang seperti membuat bot, alat perkakasan penangkapan ikan, pemprosesan ikan, mengilang ikan dan hasil perikanan serta restoran makanan laut.

Industri perikanan di Malaysia adalah terdiri daripada pinggir atau pesisir pantai, laut dalam, akuakultur atau perikanan darat. Kesemua ini telah menyumbang kepada berlakunya peningkatan terhadap jumlah pendaratan ikan negara. Keadaan sedemikian telah mencukupi permintaan dalam kalangan masyarakat tempatan dan pada masa yang sama turut mengurangkan jumlah import ikan dari luar negara. Perikanan akuakultur adalah merujuk kepada pemeliharaan ikan di dalam sangkar sama ada dengan menggunakan air tawar atau payau (Jabatan Perikanan Malaysia, 2016). Melalui aktiviti perikanan akuakultur maka, ia dapat menambah pengeluaran hasil tangkapan ikan dalam kalangan masyarakat tempatan, meningkatkan pendapatan negara dengan hasil penjualan ikan serta memastikan agar bekalan ikan sentiasa mencukupi dalam kalangan bilangan penduduk yang kian meningkat. Melalui kewujudan perikanan akuakultur maka telah menarik minat para penggemar memancing ikan di laut dan sungai untuk menceburi.

Berdasarkan Jabatan Perikanan Malaysia (2016), melalui perikanan akuakultur mampu mengembangkan lagi potensi aktiviti eksport pada tahun 2014 iaitu, sumbangan sebanyak 26% jumlah pengeluaran ikan negara. Kadar pertumbuhan juga bertambah sebanyak 8% selama 10 tahun. Ini telah menunjukkan bahawa perikanan akuakultur semakin kian berkembang pesat. Keadaan berlaku sedemikian adalah disebabkan oleh bentuk muka bumi di Malaysia yang berpotensi iaitu, kawasan seperti paya bakau, bekas lombong, tasik, kolam dan sangkar laut yang amat sesuai untuk perikanan akuakultur. Dengan menjalankan perikanan ini secara komersial maka, ia mampu meningkatkan pengeluaran ikan yang banyak dalam negara sendiri serta ini merupakan langkah bagi jangka panjang untuk mengawal kenaikan harga ikan di masa akan datang.

Pengeluaran ikan dalam negara dapat mengurangkan jumlah ikan yang diimport bagi tujuan keperluan rakyat. Pada masa yang sama juga, pengeksportan ikan serta hasil perikanan ke luar negara mampu menyumbang pendapatan negara melalui aktiviti pertukaran mata wang asing.

KESIMPULAN

Konklusinya, aktiviti memancing ikan di kolam pancing sewajarnya terus dilakukan oleh golongan komuniti yang akan datang. Jadi, pengurusan kolam pancing sememangnya perlu diberikan perhatian oleh semua orang. Dengan keadaan tersebut maka, berlaku keseimbangan ekosistem yang sentiasa berterusan.

RUJUKAN

- Ahmad Murshidi bin Mustapha, Mohd Rofaizal Ibhram, Mohd Musa bin Sarip dan Muhamad Ismail bin Abdullah. 2019. Isu-Isu Muamalat Dalam Pakej Memancing di Kolam Berbayar. *5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019)*.
- Alias Baba. (1999). Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arif Hakiki Hasibuan. 2009. Usaha Kolam Pemancingan dalam Tinjauan Perspektif Hukum Islam. (Sarjana). Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN).
- Carmen Cheah Gaik Im. 2010. Ekologi Tumbuhan Air dalam Reka Bentuk Landskap Lembut. (Ijazah Sarjana). Universiti Sains Malaysia.
- Dato' Abdul Hamid bin Haji Mohamad. 1999. Pancing dan Undang-Undang. *Bukit Merah Lake Town Resort*.
- Dg Nur Fairuzzimah dan Jurry Foo. 2021. Penyertaan Komuniti Tempatan dalam Pemuliharaan Ekosistem Sungai Mansabahan Berasaskan Sistem Bombon di Kampung Marakau, Ranau. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, Vol. 7, Number 1, 2021 ISSN 2462-2095.
- Ditton RB, Holland SM, Anderson DK (2002) Recreational Fishing as Tourism. *Fisheries Research* 27, 17-24.
- Eliah, Azrul Ekhuan Othman, Mohd Shahwahid & Poh Lye Yong. (2011). Kajian ekonomi rekreasi memancing ikan di kolam pancing. *In 16th Malaysian Forestry Conference: Forest for Community Livelihood, 5-9 Dec. 2011, Melaka, Malaysia, 647-656*.
- Encik. Hanim bin Hj. Raduan. 2012. Diakses dari <https://www.lpp.gov.my/document/upload/ZF67k9y6hebIYtH10vyYv9PqAttAUoS6.pdf>. Diakses pada 20 Jun 2022.
- Hall CM, Page SJ (2006) *The Geography of Tourism and Recreation - Environment, Place and Space* (3rd edition). Routledge, London & New York.
- Haliza Abdul Rahman. 2008. Pengurusan Ekosistem Hutan Bakau di Selangor: Kajian daripada segi Pelaksanaan Dasar berkaitan Alam Sekitar di Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. *Malaysian Journal of Mathematical Sciences* 2(2): 103-111.
- Ismail Mudin. (2007). Potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin. (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. (tidak diterbitkan).

- Jabil Mapjabil, et. al. 2020. Profil dan Motif Pemancing dalam Pertandingan Memancing Peringkat Tempatan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(30), 62 - 75.
- Jolly, V. 1978. The Concept of Environmental Management. *Development Forum*, 111(2). 13-26.
- Mordue T (2009) Angling in Modernity: A Tour Through Society, Nature and Embodied Passion. *Current Issues Tourism* 12, 529-552.
- Mohd Musa bin Sarip, Ahmad Murshidi bin Mustapha dan Mohd Rofaizal bin Ibhraim. 2021. Berjudikah Memancing Ikan di Kolam Berbayar? *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference*.
- Mohd Zulhalmi Ibrahim, et.al. 2015. Konsep, Segmentasi dan Potensi Penyelidikan dalam Pelancongan Memancing di Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11 issue 12 (9 – 22).
- Nurul Syuhadah Yakath Ali. 2018. Analisis Faktor yang Mempengaruhi Kekurangan Penawaran Perikanan di Malaysia: Kajian Kes di Kuala Pulau Betong, Pulau Pinang. Universiti Tenaga Nasional.
- Nybakken, J.W. 1982. *Marine Biology: an ecological approach*. New York. Harper and Row.
- Pitcher TJ, Hollingworth C (2002) *Recreational Fisheries: Ecological Economic and Social Evaluation*. Blackwell Science, Oxford.
- Renni Silaban, M. Ramli dan Lamun Bathara. 2012. Evaluasi Usaha Kolam Pemancingan Khususnya Pemancingan Ricky di Kelurahan Tangkerang Labuai Kecamatan Bukit Raya Kota Pekanbaru. Universiti Riau: Indonesia.
- Rosalinda Md. Said. 2022. Bekas Wartawan Buka Kolam Pancing. *Utusan Malaysia*. Diakses dari <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/bekas-wartawan-buka-kolam-pancing/>. Diakses pada 20 Jun 2022.
- Salleh Hudin Mustaffa, Ku Azhar Ku Saud dan Mazyana Hashim. 2015. Ekosistem dalam Pengurusan Perubahan dan Konflik di Perpustakaan Sultanah Bahiyah. *Konvensyen Pentadbir 2015: 9-11 September 2015*.
- Sharina Abdul Halim. 2014. Penyertaan Komuniti Setempat Dalam Konteks Pembangunan Pelancongan Ke Pengurusan Secara Bersama. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Syamsudin, 1983. *Budidaya Ikan didalam Kolam*. Yasaguna. Jakarta. 76 hal.
- Suyanto, R. 1994. *Usaha Budidaya Ikan Nila*. Penebar Swadaya. Jakarta. 105 Hal.
- Yaro Hafni. 2019. Manajemen Risiko Operasional pada Kolam Pancing Harian UPT-UIR dalam Meningkatkan Pendapatan Ditinjau Menurut Ekonomi Syariah. (Sarjana). Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Yofiana Eka Pratiwi. 2018. Tinjauan Hukum Islam terhadap Akad Usaha Pemancingan di Pancingan Sejuta Desa Sidowayah, Kecamatan Polanharjo, Kabupaten Klaten. Universitas Muhammadiyah Surakarta.